



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 2 TAHUN 2021**

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab Negeri
Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab Agensi Persekutuan
Yang Berkenaan Sahaja

**PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI
TAHUN KEWANGAN 2021**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan kepada Ketua Jabatan Negeri / Pusat Tanggungjawab (PTJ) secara terperinci mengenai tarikh akhir pemprosesan dokumen kewangan dan aktiviti-aktiviti yang terlibat semasa penutupan akhir Tahun 2021 bagi melancarkan proses penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun Kewangan 2021.
- 1.2 Semua Ketua Jabatan/PTJ adalah dikehendaki **mematuhi garis masa dan tarikh-tarikh penting** yang dinyatakan dalam Pekeliling ini bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021 dapat disediakan dan dikemukakan ke Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pada 1 Mac 2022 (Selasa).

2. PERATURAN AM PENUTUPAN AKAUN

2.1 Tempoh Kewangan Tahun 2021

- 2.1.1 Tempoh kewangan bagi Tahun 2021 untuk Kerajaan Negeri Selangor adalah pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

- 2.1.2 Garis panduan ini akan menjelaskan **penyerahan dokumen-dokumen berkaitan baucar bayaran, pengurusan terimaan, baucar jurnal, penyata-penyata perakaunan, pengurusan waran pindah peruntukan/waran peruntukan kecil dan tindakan-tindakan yang perlu diselesaikan di Sistem iSPEKS** bagi tujuan penutupan akaun Tahun 2021 serta **tarikh-tarikh penting yang perlu dipatuhi** oleh semua Ketua Jabatan/PTJ bagi membolehkan Akaun Kerajaan Negeri ditutup pada 31 Disember 2021.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/PTJ

2.2.1 Tarikh-Tarikh Penting

Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan tarikh-tarikh penting yang berkaitan pembayaran, pungutan dan pelarasan seperti yang dijelaskan dalam pekeliling ini dipatuhi (**Lampiran A – Ringkasan Tindakan Jabatan/PTJ bagi Penutupan Akaun Tahun 2021**). Semua Ketua Jabatan / PTJ hendaklah memastikan segala urusan pembayaran, pungutan dan pelarasan tahun 2021 dilaksanakan mengikut peraturan dan dalam tempoh yang telah ditetapkan. **Sila ambil maklum bahawa tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) tahun 2021.**

2.2.2 Dokumen Sokongan

Ketua Jabatan/PTJ adalah dinasihatkan bahawa semua dokumen sokongan kewangan dikemukakan ke Bendahari Negeri lebih awal dari tarikh yang ditetapkan bagi mengelakkan kesuntukan masa untuk menyelesaikan masalah-masalah lain yang mungkin timbul pada saat-saat akhir.

2.2.3 Perolehan

Ketua Jabatan/PTJ hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan semua perolehan yang telah diterima sempurna pada tahun 2021 dapat dibuat bayaran sebelum Penutupan Akaun Akhir Tahun 2021. Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan kerja telah disempurnakan, perkhidmatan telah diberikan dan barang-barang telah diterima. Penerangan terperinci berkaitan perolehan boleh dirujuk di butiran 3.1 hingga 3.5 .

2.2.4 Baki Peruntukan

Ketua Jabatan/PTJ juga hendaklah memastikan baki peruntukan mencukupi terutama bagi menampung perbelanjaan pukat sehingga bil bulan Disember 2021. Rujuk butiran 6.1 hingga 6.3 berkaitan perbelanjaan yang melebihi peruntukan.

2.2.5 Bil Tuntutan AP100 dan AP103

Ketua Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi sepenuhnya kehendak **AP 100 - Tuntutan Perjalanan Pegawai Awam dan AP 103 - Semua Bil dan Tuntutan Bayaran** hendaklah Dibayar dengan

Segera. Kegagalan mematuhi arahan tarikh penyerahan yang telah ditetapkan boleh menyebabkan baucar bayaran ditolak (rujuk butiran 4.1.3(ii) berkaitan bayaran tuntutan perjalanan).

2.2.6 Bayaran Pukal

Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan bil/invois diterima atau diperolehi daripada agensi pukal seperti **TNB, Telekom, Air Selangor, MAB, Petronas, Indah Water Konsortium, Touch N' Go dan Air Asia** pada setiap bulan. Jabatan/PTJ perlu menyemak bil/invois yang diterima daripada Agensi Pukal adalah sama seperti di Laporan Terperinci Bulanan Pukal (BP08) yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri. Jabatan/PTJ perlu memastikan baki peruntukan di bawah objek sebagai 21000, 23000, 26000 dan 27000 mencukupi bagi menampung perbelanjaan pukal sehingga bil bulan Disember 2021.

3. **PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN**

- 3.1 Perolehan Kerajaan merangkumi Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan), Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan, Perkhidmatan & Kontrak), Waran Perjalanan Udara Awam (Pukal & Bukan Pukal), Pesanan / Inden Kerajaan (Kerja).
- 3.2 Semua Pesanan Kerajaan (termasuk kuiry) hendaklah diselesaikan sehingga peringkat LULUS tidak lewat dari **30 November 2021 (Selasa)**. Sekiranya Pesanan Kerajaan/Inden Kerja yang telah dicajkan di bawah Vot Mengurus/Pembangunan dan tidak dapat disempurnakan dalam tahun 2021, **pembatalan perlu dilakukan ke atas Pesanan Kerajaan tersebut di Sistem iSPEKS**. Jabatan/PTJ perlu memastikan **Tanggungan Belum Selesai dan Liabiliti Belum Selesai di buku Vot Jabatan/PTJ adalah berbaki sifar**.
- 3.3 **Hanya** Pesanan Kerajaan yang dicajkan di bawah Vot/Dana Amanah boleh di bawa ke tahun baru 2022 dan tidak perlu dibatalkan.
- 3.4 Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan segala bekalan/kerja/perkhidmatan yang telah dilaksanakan dijelaskan dengan kadar segera.
- 3.5 Jabatan/PTJ perlu menyemak Laporan Senarai Pesanan Tempatan/ Inden Kerja di Modul Perolehan/ Laporan Perolehan bagi mengenal pasti Pesanan Kerajaan yang masih belum dijelaskan sebagaimana yang ditetapkan di bawah **AP103**.

4. PENGURUSAN BAYARAN

4.1 Pengurusan Baucar Bayaran Tahun Semasa 2021

4.1.1 Tarikh akhir bayaran bagi perbelanjaan tahun 2021 adalah ditetapkan pada **15 Disember 2021 (Rabu)** dan **tiada tempoh Akaun Kena Bayar** bagi bayaran selepas daripada tarikh tersebut. Baucar-baucar bayaran tahun 2021 hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada **15 Disember 2021 (Rabu)**. Semua bayaran selepas tarikh ini akan dikenakan kepada peruntukan tahun 2022 di bawah AP58(a) tertakluk kepada baki peruntukan sedia ada tahun 2021.

4.1.2 Arahan Bayaran yang tidak sempat diselesaikan hingga peringkat lulus baucar di Sistem iSPEKS selepas **15 Disember 2021 (Rabu)** perlu dikuiiri dan dibatalkan oleh Jabatan/PTJ. Baucar bayaran yang diluluskan oleh Jabatan/PTJ selepas tarikh yang ditetapkan akan dibatalkan oleh pejabat Bendahari Negeri. Jabatan/PTJ perlu memastikan tanggungan belum selesai, liabiliti belum selesai di buku vot Jabatan/PTJ masing-masing adalah berbaki sifar.

4.1.3 Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan peraturan berikut dipatuhi semasa menguruskan baucar bayaran tahun 2021 :

i. Kerja / Bekalan / Perkhidmatan

Kerja yang telah disempurnakan atau bekalan/ perkhidmatan yang telah diterima sebelum 15 Disember 2021 hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 15 Disember 2021 (Rabu).

ii. Tuntutan Perjalanan

Sekiranya pegawai tidak melakukan perjalanan selepas 15 Disember 2021 maka tuntutan perjalanan, tuntutan bayaran balik dan elaun pelbagai bulan Disember 2021 hendaklah dikemukakan dan dibayar sebelum 15 Disember 2021. Penuntut hendaklah membuat pengesahan bahawa tiada lagi tuntutan akan dibuat selepas tarikh tersebut. Manakala jika pegawai masih melakukan perjalanan selepas 15 Disember 2021, maka tuntutan tersebut hendaklah dibayar melalui AP58(a).

iii. Elaun Lebih Masa

Sekiranya terdapat kerja lebih masa yang perlu dilaksanakan sehingga 31 Disember 2021, pembayaran hendaklah dibuat melalui AP58(a). Perintah Am 40 Bab C juga turut memperuntukkan pilihan cuti gantian bagi menggantikan kerja lebih masa yang dilaksanakan atas kepentingan perkhidmatan.

iv. Upah Pekerja Sambilan/Kontrak

Pembayaran gaji bulan Disember 2021 bagi pekerja sambilan/kontrak boleh dibayar pada 15 Disember 2021 dan diselaraskan semula pada bulan berikutnya.

Sila rujuk **Kelongsoran Pengurusan Bayaran Di Bawah AP 99(e) - Perakuan Kesempurnaan Bekalan, Perkhidmatan Atau Kerja** bagi tujuan mengurangkan AP58(a) di butiran 4.4

4.2 Pengurusan Baucar Bayaran Di Bawah AP 58(a)

- 4.2.1 Semua baucar bayaran yang tidak dapat dibayar dalam tahun 2021 perlu disediakan melalui permohonan AP58(a) untuk kelulusan Bendahari Negeri/Pegawai Kewangan Negeri. Ketua Jabatan/PTJ perlu mengemukakan Sijil AP58(a) seperti di **Lampiran C** mulai **3 Januari 2022 (Isnin)**.
- 4.2.2 Sijil AP58(a) perlu disediakan dan mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum baucar bayaran disediakan dalam Sistem iSPEKS. Jabatan/PTJ yang tidak mempunyai baki peruntukan pada tahun 2021, permohonan pembayaran di bawah AP58(a) perlu mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 4.2.3 Jabatan/PTJ hendaklah menyemak Laporan Kedudukan Bil/ Invois bagi memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kelulusan Sijil AP58(a) atau kelulusan khas.
- 4.2.4 Jabatan/PTJ adalah diingatkan bahawa tarikh akhir permohonan pembayaran di bawah AP 58(a) adalah **sebelum atau pada 31 Mei 2022 (Selasa) manakala semua bayaran perlu dijelaskan sebelum atau pada 30 Jun 2022 (Khamis)**.
- 4.2.5 Permohonan pembayaran di bawah AP58(a) yang diterima **selepas 31 Mei 2022** akan diproses melalui satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri. **Mana-mana permohonan AP58(a) yang kelewatannya adalah disebabkan kecuai, akan dikenakan bayaran di bawah AP59.**

4.3 Pengurusan Bayaran Pukal

- 4.3.1 Tarikh akhir pengeluaran Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) adalah pada 15 November 2021 (Isnin) dan selesai melakukan perjalanan pergi balik sebelum atau pada **30 November 2021 (Selasa)**. Sekiranya terdapat permohonan WPUA yang memerlukan perjalanan selepas 30 November 2021, Jabatan/PTJ dikehendaki menggunakan WPUA manual dan membuat bayaran

sebelum atau pada 15 Disember 2021. Apa-apa tuntutan yang dibuat selepas 15 Disember 2021 perlu dibayar menggunakan AP58(a).

4.3.2 Agensi Penerbangan yang menggunakan bayaran secara pukal akan mengemukakan fail data pukal WPUA kepada Perbendaharaan Negeri Selangor sebelum **15 Disember 2021**.

4.3.3 Bagi bil pukal selain WPUA, tarikh akhir serahan data pukal oleh agensi seperti TNB, Telekom, Air Selangor, MAB, Petronas, Indah Water Konsortium dan Touch n Go bagi tujuan pemprosesan pembayaran oleh Perbendaharaan Negeri Selangor adalah sebelum **15 Disember 2021**.

4.3.4 Semua Ketua Jabatan/PTJ adalah dipohon untuk memastikan baki peruntukan yang melibatkan bayaran pukal mencukupi sehingga bulan Disember 2021.

4.4 Kelonggaran Pengurusan Bayaran Di Bawah AP 99(e) - Perakuan Kesempurnaan Bekalan, Perkhidmatan Atau Kerja

4.4.1 Bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a) dalam tahun 2022, Ketua Jabatan/PTJ adalah diberi kelonggaran untuk membuat bayaran dalam tahun 2021 bagi bayaran-bayaran seperti berikut:

- i. Bayaran rutin bulanan bagi bil/tuntutan bulan Disember 2021 sahaja yang mana tempoh kontraknya masih berkuatkuasa dan hanya akan tamat pada tahun 2022. Pembayaran bagi bulan Disember 2021 boleh dibayar sepenuhnya dan pelarasan semula perlu dibuat pada bulan Januari 2022.
- ii. Bayaran sewaan dan utiliti bagi bulan Disember 2021 sahaja boleh dibayar berdasarkan jumlah purata empat (4) bulan terakhir dan pelarasan semula perlu dibuat pada bulan Januari 2022.
- iii. Di samping itu, kelonggaran juga turut diberikan bagi membolehkan bayaran gaji/upah bagi bulan Disember 2021 dibuat sepenuhnya kepada kakitangan lantikan kontrak, pekerja sambilan harian (PSH) dan elaun sukarelawan yang mempunyai rekod kehadiran yang baik dan tempoh kontrak masih berkuatkuasa dalam tahun 2022.

- iv. **Ketua Jabatan/PTJ adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembayaran di 4.4.1(i) hingga 4.4.1(iii) yang akan dilaksanakan kelak. Sekiranya berlaku kecuai, tindakan tatatertib dan surcaj berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 – Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam akan dilaksanakan.**

5. PENGURUSAN TERIMAAN

- 5.1 Jabatan/PTJ Pemungut hendaklah memastikan semua kutipan dibuat sehingga **30 Disember 2021 (Khamis) sahaja** dan kutipan tersebut dibankkan pada hari yang sama bagi membolehkan terimaan diperakaunkan dalam tahun kewangan 2021. Jabatan/PTJ Pemungut perlu memastikan semua terimaan (termasuk terimaan secara *Online*) diperakaunkan melalui Sistem iSPEKS dan dikemaskini Nombor Slip Bank **selewat-lewatnya jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat).**
- 5.2 **Sekiranya dalam keadaan tertentu terdapat kutipan (termasuk terimaan secara *Online*) yang diterima selepas jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat), ia perlu diperakaunkan pada Tahun 2022 bermula 03 Januari 2022 (Isnin).** Terimaan yang belum dibankkan selepas tempoh tersebut perlu disimpan selamat mengikut tatacara kewangan yang berkuatkuasa.
- 5.3 Semua jenis terimaan wang awam Tahun 2021 hendaklah dikemaskini dengan nombor slip bank **sebelum jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021(Jumaat)** bagi membolehkan ianya diperakaunkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor pada hari yang sama.
- 5.4 Bagi PTJ yang masih belum melaksanakan terimaan melalui sistem iSPEKS, penyata pemungut manual yang telah mempunyai cetakan bank hendaklah dikemukakan kepada Jabatan masing-masing bagi tujuan kunci masuk maklumat penyata pemungut manual ke dalam sistem iSPEKS .
- 5.5 Bagi Jabatan/PTJ Pemungut Persekutuan yang mengutip hasil negeri seperti **Jabatan Kastam Pelabuhan Klang, Jabatan Kastam KLIA, Jabatan Perhilitan & Hidupan Liar dan Ibu Pejabat Polis Daerah** hendaklah mengemukakan Penyata Pemungut Manual yang telah dicetak terimaan oleh bank pada **31 Disember 2021** ke Unit Pengurusan Dana & Terimaan Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor **pada 31 Disember 2021 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi** bagi tujuan mengunci masuk maklumat penyata pemungut manual ke dalam sistem iSPEKS. Rujuk Jadual 1 bagi senarai PTJ Manual Agensi Persekutuan)

- 5.6 Sekiranya terdapat Resit Rasmi Tahun 2021 yang perlu dibatalkan, tindakan pembatalan resit perlu dilakukan segera dalam tahun 2021 sebelum **30 Disember 2021 (Khamis)**. Adalah dinasihatkan semakan dibuat oleh Jabatan/PTJ terhadap semua penyata pemungut dan resit yang dikeluarkan pada tahun kewangan tahun 2021 menggunakan Laporan Buku Tunai Cerakinan yang boleh dicetak di sistem iSPEKS. **Sila pastikan Resit Perbendaharaan telah dijana dan dinyatakan dalam Buku Tunai Cerakinan.**
- 5.7 Sekiranya terdapat Cek Tak Laku, Pelarasan Terimaan Cek Tak Laku perlu dilakukan segera dan tindakan kutipan semula perlu dibuat dalam tahun 2021 juga sebelum **15 Disember 2021 (Rabu)**. Sekiranya kutipan tidak dapat dikutip semula dalam tahun yang sama (2021), Daftar Cek Tak Laku perlu diselenggara dan dinyatakan dalam Penyata Akaun Belum Terima. Adalah dinasihatkan untuk menggunakan saluran pembayaran EFT dan mengurangkan penggunaan cek bagi tujuan bayaran.

6. PENGURUSAN WARAN PERUNTUKAN/BAKI PERUNTUKAN

- 6.1 Ketua Jabatan/PTJ dikehendaki memastikan tindakan diambil bagi menyelesaikan mana-mana kod objek yang telah melebihi peruntukan dengan menyemak laporan bulanan Totol Mengurus dan Pembangunan. Ketua Jabatan/PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan sebelum berakhirnya tahun kewangan 2021.
- 6.2 Ketua Jabatan/PTJ juga perlu memastikan baki peruntukan di bawah kod objek 21000, 22000, 23000, 26000 dan 27000 adalah mencukupi bagi menampung perbelanjaan bagi bulan Disember 2021 di bawah **Sistem Bayaran Pukul** bagi mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan (**AP93**).
- 6.3 Sekiranya terdapat keperluan untuk melakukan pindah peruntukan (virement) atau pengeluaran waran peruntukan kecil (bagi tujuan melaraskan peruntukan sahaja) Ketua Jabatan/PTJ dikehendaki untuk mengemukakan permohonan tersebut kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Negeri Selangor tidak lewat dari **21 Disember 2021 (Selasa)**.

7. PENGURUSAN BAUCAR JURNAL

- 7.1 Semua baucar jurnal hendaklah disediakan segera supaya dapat diproses dalam bulan Disember 2021. Bagi pelarasan jurnal bulan Disember 2021, jurnal-jurnal pelarasan hendaklah disediakan **sebelum 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat)**.

8. PENGURUSAN PANJAR

8.1 Panjar Wang Runcit

Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan semua **Baucar Kecil (Kew 50)** yang ada dalam tangan perlu dibuat rekupmen bagi membolehkan baki Panjar Wang Runcit adalah bersamaan dengan wang apungan yang telah diluluskan.

8.1.1 Baucar rekupmen terakhir bagi Panjar Wang Runcit adalah sebelum **15 Disember 2021 (Rabu)** dan tiada lagi rekupmen selepas tarikh tersebut. Rekupmen tersebut perlu ditunaikan di bank sebelum **24 Disember 2021 (Jumaat)**. Selepas rekupmen terakhir Jabatan/PTJ perlu melaksanakan proses penutupan akhir tahun bagi panjar wang runcit di Sistem iSPEKS bagi membolehkan Pejabat Bendahari Negeri melaksanakan proses penutupan Akaun Akhir Tahun 2021.

8.1.2 Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit seperti pada 31 Disember 2021 perlu dikemukakan dalam 2 salinan bersama-sama dengan sesalinan baucar bayaran Rekupmen Terakhir yang lengkap dan juga baucar kecil yang telah diakui sah kepada Perbendaharaan Negeri Selangor sebelum atau pada **5 Januari 2022 (Rabu)** (rujuk Lampiran D)

8.2 Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas

8.2.1 Rekupmen terakhir bagi Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas adalah sebelum **15 Disember 2021 (Rabu)**. Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan amaun baucar rekupmen terakhir dan baki wang tunai adalah bersamaan dengan wang apungan pendahuluan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

8.2.2 Sijil Perakuan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas perlu disediakan dalam 3 salinan bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 bersama-sama dengan sesalinan baucar bayaran Rekupmen Terakhir dan juga baucar kecil yang telah diakui sah. Agihan sijil-sijil tersebut bersama-sama dokumen sokongan perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor, Bahagian Khidmat Pengurusan dan salinan ketiga kepada Pengarah, Jabatan Audit Negara Negeri Selangor sebelum **5 Januari 2022 (Rabu)** (rujuk Lampiran E)

9. PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN AKAUN DEPOSIT

- 9.1 Jabatan/PTJ yang mengurus dan menyelenggara Kumpulan Wang Amanah Awam di bawah Seksyen 9 dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan di bawah Seksyen 10, serta Akaun Deposit perlu memastikan semua terimaan dan pembayaran telah diperakaunkan di bawah **Vot/Dana** dan kod akaun iSPEKS yang betul, tepat dan dikemaskini serta baki akaun-akaun tersebut adalah berbaki **Kredit**. Jabatan/PTJ perlu memastikan **tiada terimaan yang tersilap diakaunkan di bawah **Vot/Dana G001(Hasil)** sebelum Penutupan Akaun Tahun 2021 bagi mengelakkan pelarasan di bawah **Vot Bayaran Balik Hasil****.
- 9.2 Tarikh Akhir Arahan Pembayaran yang menggunakan ***cajline* akaun amanah/akaun deposit** adalah pada **15 Disember 2021 (Rabu)**.

10. HAL-HAL LAIN

10.1 PENYATA PENYESUAIAN VOT MENGURUS (B&P) AMANAH/ DEPOSIT/ HASIL

- 10.1.1 Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan semua Penyata Penyesuaian Bulanan bagi **Vot Mengurus/ Pembangunan/** bagi bulan Disember 2021 disediakan di dalam 2 salinan dan dikemukakan sebelum atau pada **20 Januari 2022 (Khamis)** kepada Unit Akaun, Perbendaharaan Negeri Selangor.
- 10.1.2 Manakala bagi Jabatan/PTJ yang menyelenggara Buku Tunai Cerakinan secara manual, Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan Penyata Penyesuaian Terimaan bagi bulan Disember 2021 hendaklah dikemukakan ke Unit Terimaan, Pejabat Bendahari Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor selewat-lewatnya pada **14 Januari 2022 (Jumaat)**.
- 10.1.3 Jabatan/PTJ yang mengurus dan menyelenggara Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi tempoh 01 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 perlu menyediakan Sijil Pengesahan Baki (**Lampiran F**) dan Penyata Terimaan dan Bayaran (**Lampiran G**) di dalam 3 salinan dan juga Buku Amanah Manual (**Lampiran H**). Dua salinan daripada penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Unit Akaun, Perbendaharaan Negeri Selangor manakala salinan ketiga dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Audit Negera, Negeri Selangor selewat-lewatnya pada **20 Januari 2022 (Khamis)**.

10.1.4 Jabatan/PTJ yang mempunyai Akaun Deposit perlu menyediakan satu penyata lengkap Senarai Baki Individu dalam tiga salinan bagi setiap satu akaun deposit bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 mengikut format seperti di **Lampiran I** berdasarkan keperluan Arahan Perbendaharaan 159. Penyata Penyesuaian hendaklah disediakan sekiranya terdapat sebarang perbezaan baki di antara rekod Jabatan/PTJ dengan rekod di Perbendaharaan Negeri seperti di **Lampiran J**. Penyata di atas hendaklah dikemukakan kepada Unit Akaun Pejabat Bendahari Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor dalam dua salinan dan sesalinan dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor tidak lewat dari **20 Januari 2021 (Khamis)**.

10.1.5 Ketua Jabatan/PTJ juga perlu mengemukakan pengesahan baki berserta senarai individu bagi Pendahuluan Diri serta Akaun Pinjaman dalam dua salinan tidak lewat dari **20 Januari 2021 (Khamis)** seperti berikut :

- i. Pendahuluan Diri Pegawai Awam
- ii. Pendahuluan Diri – Urusan Rasmi
- iii. Pendahuluan Diri Surcaj
- iv. Bayaran Terlebih Emolumen AP327B
- v. Pendahuluan Pelbagai
- vi. Pendahuluan Pinjaman Kenderaan Adun
- vii. Pendahuluan Pinjaman Kenderaan Awam
- viii. Pembiayaan Komputer
- ix. Pinjaman Perumahan

10.1.6 Bagi tujuan Penyediaan Penyata Penyesuaian, Ketua Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia seperti berikut:

- i. **SPANM Bil.7 Tahun 2018** bagi tujuan penyediaan Sijil Pengesahan Baki Vot.
- ii. **SPANM Bil. 15 Tahun 2014** bagi penyediaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Amanah.
- iii. **SPANM Bil. 4 Tahun 2019** bagi penyediaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit.

10.2 SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN KEWANGAN DI SISTEM iSPEKS MENGIKUT MODUL UNTUK JABATAN/PTJ BAGI TUJUAN PENUTUPAN TAHUNAN OLEH PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

Ketua Jabatan/PTJ adalah dikehendaki untuk menyemak dokumen-dokumen kewangan di Sistem iSpeks mengikut modul-modul berikut bagi

memastikan tiada dokumen kewangan yang tidak selesai atau tergantung di sistem iSPEKS. Semakan ini penting bagi memastikan kelancaran penutupan tahunan akaun Kerajaan Negeri kerana sekiranya terdapat dokumen kewangan yang tidak selesai/tergantung boleh menyebabkan Penutupan Tahunan 2021 tidak dapat dilakukan. Senarai semak mengikut modul adalah seperti berikut.

10.2.1 Modul Terimaan (AR) tindakan sebelum 30 Disember 2021 (Khamis)

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit yang dikeluarkan selesai sehingga pengeluaran penyata pemungut.
- ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua penyata pemungut auto dikunci masuk slip bank.
- iii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua penyata pemungut manual dikunci masuk slip bank.
- iv. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit dan penyata pemungut yang dikeluarkan mempunyai nombor resit perbendaharaan melalui semakan di Laporan Buku Tunai Cerakinan.
- v. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit yang dibatalkan mempunyai resit ganti dan diuruskan dengan sempurna seperti di para i, ii dan iii
- vi. Jabatan/PTJ perlu memastikan transaksi yang tidak berjaya disebabkan oleh masalah sistem dibuat aduan melalui log iSPEKS.

10.2.2 Modul Perolehan (PROC) tindakan sebelum 30 November 2021 (Selasa)

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan/inden kerja telah menerima barang/perkhidmatan.
- ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan yang telah selesai terima barang/perkhidmatan telah dibuat bayaran.

10.2.3 Modul Kontrak (COM) sebelum 30 November 2021 (Selasa)

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan daftar tanggung kontrak telah dibayar.
- ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan/inden kerja telah terima barang/perkhidmatan telah dibuat bayaran.

10.2.4 Modul Bayaran (AP) **sebelum 15 Disember 2021(Rabu)**

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan kesemua daftar bil telah selesai dibuat bayaran.

10.2.5 Modul Pendahuluan Diri (AC) **sebelum 1 Disember 2021(Rabu)**

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan kesemua permohonan pendahuluan diri yang telah diluluskan oleh Bahagian Belanjawan telah dikemaskini dalam modul pendahuluan diri sebelum 1 Disember 2021 (Rabu) bagi tujuan pembayaran gaji bulan Disember 2021. Sebarang kegagalan dalam mengemaskini sebelum 1 Disember 2021 perlu dibuat pengemaskinian dalam pembayaran gaji bulan Januari 2022.

10.2.6 Modul Pinjaman Kakitangan (SL) **sebelum 30 November 2021 (Selasa) (Unit Pinjaman Perumahan Perbendaharaan sahaja)**

- i. Pastikan kesemua surat setuju terima telah dibuat arahan bayaran.
- ii. Pastikan kesemua surat setuju terima telah selesai dibuat bayaran.

10.2.7 Modul Pengurusan Tunai (CM) **sebelum 15 Disember 2021 (Rabu)**

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar kecil panjar telah dijana baucar rekupmen.
- ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah diluluskan.
- iii. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah dibuat *posting*.
- iv. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah dibuat pungutan bank sebelum 24 Disember 2021 (Jumaat).
- v. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran telah dibuat pungutan dalam sistem.
- vi. Jabatan/PTJ perlu memastikan proses penutupan PWR akhir tahun 2021 dilakukan di sub modul panjar dengan memilih butang penutupan akhir tahun dan perlu klik butang proses pada modul tersebut .

10.2.8 Modul Lejar (GL) **sebelum jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat) (Unit Akaun Perbendaharaan sahaja)**

- i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua baucar jurnal pelarasan telah diselesaikan.

10.3 PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

- 10.3.1 Semua Jabatan/PTJ Pemungut dikehendaki melaporkan ABT kepada Ketua Jabatan masing-masing selewat-lewatnya pada **7 Januari 2022 (Jumaat)**. Ketua Jabatan/PTJ dikehendaki menyatukan maklumat tersebut dan mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (**Rujuk Lampiran K hingga P bagi ABT 1, ABT 1a hingga ABT 1e**) kepada Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dan turut disalinkan kepada Pejabat Bendahari Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor (u.p. Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan)
- 10.3.2 Bagi Jabatan/Pejabat pemungut yang tidak mempunyai Akaun Belum Terima bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021, maka Laporan ABT bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 hendaklah dihantar juga dengan menyatakan " tiada ABT" bagi tempoh pelaporan dan dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor dan disalinkan sesalinan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri, Negeri Selangor (u/p: Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan) selewat-lewatnya pada atau sebelum **14 Januari 2022 (Jumaat)**.

10.4 AKAUN AMANAH WORKSHOP JKR MEKANIKAL (STOR YANG BELUM DIUNTUKKAN)

- 10.4.1 JKR Mekanikal dikehendaki untuk menyediakan Ringkasan Berjadual bagi Akaun Stor Yang Belum Diuntukkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang melibatkan Vot/Dana dan kod akaun iSPEKS iaitu Akaun Workshop JKR dengan menggunakan format seperti di **Lampiran Q**.
- 10.4.2 Ringkasan Berjadual tersebut hendaklah dikemukakan ke Unit Akaun, Perbendaharaan Negeri Selangor dan disalinkan kepada Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor selewat-lewatnya pada **14 Januari 2022 (Jumaat)**. Penyata Penyesuaian Stok hendaklah disediakan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran R**.

11. PENUTUP

Ketua Jabatan/PTJ adalah dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan dan tarikh-tarikh penting yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini bagi melancarkan urusan penutupan akaun Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2021 dan penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI HARIS BIN KASSIM) D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan
Tarikh : 12 Oktober 2021

- s.k:
- 1) YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 19
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
 - 2) Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Selangor
Wisma Audit, Persiaran Perbandaran
Seksyen 15
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN A

RINGKASAN TINDAKAN JABATAN/PTJ BAGI PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2021

BIL	PERKARA	TARIKH SERAHAN TIDAK LEWAT DARI
1.	PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN	
	Pesanan Kerajaan diluluskan	30 November 2021 (Selasa)
2.	PENGURUSAN BAYARAN	
	Baucar Bayaran 2021	15 Disember 2021(Rabu)
	Baucar Bayaran <i>cajline</i> Akaun Amanah/Akaun Deposit	15 Disember 2021(Rabu)
	Permohonan AP 58(a) Tahun 2022	Mulai 3 Januari 2022 (Isnin) sehingga 31 Mei 2022 (Selasa)
	Bayaran AP 58(a) Tahun 2022 yang telah diluluskan	Perlu dibayar sebelum atau pada 30 Jun 2022 (Khamis)
	Pengurusan Bayaran Pukal : Pengeluaran WPUA	15 November 2021 (Selasa)
	Rekupan Terakhir Panjar Wang Runcit	15 Disember 2021(Rabu)
	Rekupan Terakhir Panjar Khas Mesra Usia Emas (SMUE)	15 Disember 2021(Rabu)
	Menunaikan Rekupmen Panjar ke Bank	24 Disember 2021(Jumaat)
	Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Mesra Usia Emas	5 Januari 2022 (Rabu)
3.	PENGURUSAN TERIMAAN	
	Kutipan sehingga 30 Disember 2021 (Khamis) dan kutipan sebelum jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat)	Dibankan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021 (Jumaat) sebelum jam 11.00 pagi.
	Kutipan selepas jam 11.00 pagi pada 31 Disember 2021 (Jumaat)	Diperakaunkan pada tahun 2022 bermula 3 Januari 2022 (Isnin) .
	Penyerahan Penyata Pemungut oleh PTJ Manual Agensi Persekutuan (Rujuk Jadual 1 bagi senarai PTJ Manual Agensi Persekutuan)	Diserahkan kepada Pejabat Bendahari Negeri pada 31 Disember 2021 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi.
	Resit Rasmi Tahun 2021 yang perlu dibatalkan disebabkan oleh terimaan diperakaunkan dua kali	Perlu dibatalkan sebelum 30 Disember 2021 (Khamis)
	Cek tak laku yang memerlukan penggantian	Perlu diganti sebelum 15 Disember 2021 (Rabu)
4.	PENGURUSAN WARAN PERUNTUKAN	
	Pindahan Peruntukan	21 Disember 2021 (Selasa)
5.	PENGURUSAN BAUCAR JURNAL	
	Baucar Jurnal Pelarasan 2021 melibatkan pembetulan kod-kod hasil, belanja dan amanah termasuk deposit dan juga Vot Dana	Pelarasan dibuat sebelum 31 Disember 2021 (Jumaat) sebelum jam 11.00 pagi

BIL	PERKARA	TARIKH SERAHAN TIDAK LEWAT DARI
6.	PENYATA-PENYATA PERAKAUNAN	
	Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi bulan Disember 2021	Perlu diserahkan sebelum 14 Januari 2022 (Jumaat)
	Penyata Akaun Belum Terima (ABT) 2021	Perlu diserahkan sebelum 14 Januari 2022 (Jumaat)
	Ringkasan berjadual bagi tujuan pengesahan baki Akaun Workshop Jabatan Kerja Raya (JKR)	Perlu diserahkan sebelum 14 Januari 2022 (Jumaat)
	Sijil Pengesahan Baki Amanah dan Deposit bagi bulan Disember 2021	Perlu diserahkan sebelum 20 Januari 2022 (Khamis)
	Penyata Terimaan dan Bayaran Amanah bagi bulan Disember 2021	Perlu diserahkan sebelum 20 Januari 2022 (Khamis)
	Senarai Baki Individu Akaun Deposit bagi bulan Disember 2021	Perlu diserahkan sebelum 20 Januari 2022 (Khamis)
	Sijil Pengesahan Baki Vot Tahun 2021	Perlu diserahkan sebelum 20 Januari 2022 (Khamis)

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN KEWANGAN DI SISTEM iSPEKS

* Sila kemukakan senarai semak ini melalui e-mel kepada G_PWNBendahari@selangor.gov.my selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021 (Jumaat) sebelum 12.00 tengahari.

MODUL	PERKARA	TINDAKAN SEBELUM	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SILA TANDAKAN JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL
Terimaan (AR)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit yang dikeluarkan selesai sehingga pengeluaran penyata pemungut.	30 Disember 2021 (Khamis)	* Unit Dana dan Terimaan (Puan Nurulazwin Binti Yahya No.Tel : 03-55447637)	☐
	ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua penyata pemungut auto dikunci masuk slip bank.			☐
	iii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua penyata pemungut manual dikunci masuk slip bank.			☐
	iv. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit dan penyata pemungut yang dikeluarkan mempunyai nombor resit perbendaharaan melalui semakan di Laporan Buku Tunai Cerakinan.			☐
	v. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua resit yang dibatalkan mempunyai resit ganti dan diuruskan dengan sempurna seperti di para i, ii dan iii			☐
	vi. Jabatan/PTJ perlu memastikan transaksi yang tidak berjaya disebabkan oleh masalah sistem dibuat aduan melalui log iSPEKS.			☐

MODUL	PERKARA	TINDAKAN SEBELUM	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SILA TANDAKAN JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL
Perolehan (PROC)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan/inden kerja telah menerima barang/perkhidmatan. ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan yang telah selesai terima barang/perkhidmatan telah dibuat bayaran	30 November 2021 (Selasa)	* Unit Bayaran (Encik Nazmir Bin Mohd Nazar No.Tel. : 03-55212435)	☐ ☐
Kontrak (COM)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan daftar tanggung kontrak telah dibayar. ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua pesanan tempatan/inden kerja telah terima barang/perkhidmatan telah dibuat bayaran.	30 November 2021 (Selasa)	* Unit Bayaran (Encik Nazmir Bin Mohd Nazar No.Tel. : 03-55212435)	☐ ☐
Bayaran (AP)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan kesemua daftar bil telah selesai dibuat bayaran.	15 Disember 2021 (Rabu)	* Unit Bayaran (Encik Nazmir Bin Mohd Nazar No.Tel. : 03-55212435)	☐
Pendahuluan Diri (AC)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan kesemua permohonan pendahuluan diri yang telah diluluskan oleh Bahagian Belanjawan telah dikemaskini dalam modul pendahuluan diri sebelum 1 Disember 2021 (Rabu) bagi tujuan pembayaran gaji bulan Disember 2021. Sebarang kegagalan dalam mengemaskini sebelum 1 Disember 2021 perlu dibuat pengemaskinian pada pembayaran gaji bulan Januari 2022.	1 Disember 2021 (Rabu)	* Unit Akaun (Puan Zainab Binti Idris No.Tel. : 03-55212362)	☐

MODUL	PERKARA	TINDAKAN SEBELUM	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SILA TANDAKAN JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL
Pinjaman Kakitangan (SL)	i. Pastikan kesemua surat setuju terima telah dibuat arahan bayaran. ii. Pastikan kesemua surat setuju terima telah selesai dibuat bayaran.	30 November 2021 (Selasa)	* Unit Pinjaman (Puan Latifah Binti Ilias No.Tel. : 03-55447252)	☐ ☐
Pengurusan Tunai (CM)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar kecil panjar telah dijana baucar rekupmen. ii. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah diluluskan. iii. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah dibuat <i>posting</i> . iv. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran panjar telah dibuat pungutan bank. v. Jabatan/PTJ perlu memastikan baucar bayaran telah dibuat pungutan dalam sistem. vi. Jabatan/PTJ perlu memastikan proses penutupan PWR akhir tahun 2021 dilakukan di sub modul panjar dengan memilih butang penutupan akhir tahun dan perlu klik butang proses pada modul tersebut .	15 Disember 2021 (Rabu) 24 Disember 2021 (Jumaat)	* Unit Akaun (Puan Zainab Binti Idris No.Tel. : 03-55212362)	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
Lejar (GL)	i. Jabatan/PTJ perlu memastikan semua baucar jurnal pelarasan telah diselesaikan.	Sebelum jam 11.00 pagi 31 Disember 2021 (Jumaat)	* Unit Akaun (Puan Zainab Binti Idris No.Tel. : 03-55212362)	☐

SIJIL KELULUSAN AP 58 (a)

1. Maklumat PTJ:		
Kod Kumpulan PTJ :	Kod Vot :	Kod Dana:
Kod PTJ :	Kod Program/ Aktiviti :	No. Tel / Faks/ e-mel :
2. Tuntutan/ Bil oleh Jabatan/PTJ:		
	TAHUN PERBELANJAAN	TAHUN SEMASA
Objek Sebagai		
Baki Peruntukan	RM :	RM :
Amaun Dalam Arahan Pembayaran	RM :	RM :
* Baki Baharu	RM :	RM :
(*baki peruntukan setelah ditolak amaun dalam Arahan Pembayaran)		
3. PTJ bertanggungjawab memastikan tatacara perolehan dipatuhi berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Sebab-sebab kelewatan mengemukakan Bil/ Invois/ Pesanan Kerajaan/ tuntutan untuk membuat bayaran:		
1)		
2)		
3)		
4. Maklumat Pemohon dan Pegawai Pengesah:		
Perakuan oleh pegawai yang bertanggungjawab:		Pengesahan oleh Ketua Pejabat/ PTJ:
Tandatangan:		Tandatangan:
Nama :		Nama :
Jawatan :		Jawatan :
		Cap Rasmi Jabatan:
5. Pengesahan Baki Peruntukan oleh Kementerian/ PTJ:		
	TAHUN PERBELANJAAN	TAHUN SEMASA
Objek Am (OA) / Objek Sebagai (OS)		
Baki Peruntukan yang diluluskan.		
DILULUSKAN / DITOLAK		
Ulasan:		
Tandatangan :		
Nama :		
Jawatan :		
Cap Rasmi Jabatan:		
Nota: Sekiranya mendapat kelulusan khas, sila masukkan nombor rujukan kelulusan pada Arahan Pembayaran.		
6. Untuk Kegunaan Pejabat Perakaunan :		
*DILULUSKAN / DITOLAK Ulasan:	No. Rujukan AP 58(a) :	
	Tarikh Kelulusan :	
	Tandatangan:	
	Nama:	
	Jawatan:	
	Cap Rasmi Jabatan:	

LAMPIRAN D
Arahan Perbendaharaan 113

Kod Jabatan : 0209 JABATAN KERJA RAYA
Kod PTJ : 20901000 JABATAN KERJA RAYA DAERAH PETALING
No. Kod Kecil : 1 PANJAR WANG RUNCIT JKR DAERAH PETALING

PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2011

Saya memperakui bahawa baki wang runcit yang ada dalam tangan saya selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir dalam tahun 2011 berkenaan dengan panjar sebanyak RM1,000.00 yang diberi kepada saya ialah RM111.10 (Ringgit: SATU RATUS SEBELAS DAN SEN SEPULUH SAHAJA) dan telah diperakaunkan dengan betul seperti berikut:

	NOTA	RM
a) Amaun yang didahulukan kepada saya		1,000.00
TOLAK		
b) Reкупmen yang diminta tetapi belum dijelaskan seperti dalam senarai yang dikembarkan	A	5.80
c) Baucer ditangan seperti dalam senarai yang dikembarkan	B	0.00
d) Baki Buku Tunai		994.20
